

NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

NO MATRIK : 148634

NOMBOR TAJUK KARANGAN : (i)

**Soalan karangan:** i. Dalam drama “9-1-1: Lone Star”, Victor (nama watak) telah jatuh ke dalam lubang besar yang terbentuk disebabkan oleh lahar. Selepas mangsa dikeluarkan daripada lubang tersebut, terdapat luka terbakar yang ketara di bahagian tapak tangan dan bahagian muka mangsa. Sekiranya anda merupakan salah seorang penyelamat dan anda diminta untuk membalut luka terbakar mangsa, jelaskan cara membalut luka-luka terbakar tersebut. (Rujuk Musim 2 Episod 2)

JAWAPAN :

Luka terbakar adalah kerosakan pada tisu badan akibat daripada haba kering seperti tenaga elektrik, geseran, kesan radiasi dan bahan api. Luka terbakar umumnya berlaku pada kulit yang mempunyai peranan penting dalam keseimbangan suhu badan yang mengekalkan cecair badan dan juga pertahanan tubuh dari jangkitan. Luka terbakar antara kecederaan yang serius kerana sekiranya terbakar berlaku pada bahagian yang besar dan banyak, maka boleh mengakibatkan kematian. Oleh itu, sekiranya seseorang mengalami luka terbakar, maka rawatan perlu diberikan dengan segera.

Rawatan yang boleh diberikan kepada Victor adalah dengan menyiram air yang banyak ke luka terbakar selama 10 minit. Perhatikan pernafasan, lakukan pemulihan sekiranya perlu. Sekiranya Victor memakai cincin, jam tangan atau lain-lain ianya perlu ditanggalkan. Jangan lupa untuk tanggalkan pakaian terbakar melainkan yang melekat pada badan. Tutup dengan bebat steril, tenangkan mangsa dan rawat renjatan, perhatikan dan rekod keadaan mangsa. Perlu diingat jangan tanggalkan apa-apa yang

melekat pada badan mangsa, jangan sentuh kawasan yang terbakar, jangan pecahkan gelembung, jangan guna krim, ubat berminyak atau pita pelekat, dan jangan guna bahan berbulu seperti kapas. Cara membalut luka terbakar bahagian tapak tangan adalah letakkan tapak tangan yang tercedera di atas kain anduh, kemudian tarik dan letakkan bucu atas kain anduh di atas tangan. Silangkan kedua-dua bucu hujung kain anduh di atas dan bawah, akhir sekali, ikatan buku sila diikat pada atas pergelangan tangan.

Secara kesimpulannya, langkah pencegahan bagi mengelakkan luka terbakar perlulah dilakukan. Hal ini kerana, luka terbakar boleh jadi kecederaan yang amat serius sama ada kepada kanak-kanak mahupun orang dewasa. Pastikan semua peralatan yang berbahaya sentiasa disimpan dengan baik. etak perlindungan keselamatan kanak-kanak di semua punca elektrik. Selalu uji air mandi dengan siku sebelum meletakkan anak anda di dalamnya. Sentiasa hidupkan air sejuk pada awal dan sebelum menutupnya apabila mengalirkan air ke dalam tab mandi atau sinki. Letakkan pemegang periuk ke arah belakang dapur setiap kali anda memasak. Rawatan segera perlulah dilakukan kepada mangsa agar tidak mengalami kesan yang teruk.